



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (17)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

MEMPERKUKUH GARIS PANDUAN DAN PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN: USAHA MELINDUNGI INDUSTRI DAN MENGEMBALIKAN KEYAKINAN PELANCONG

25 September 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sedang menjalankan penyelidikan bagi memperkukuhkan lagi penyeragaman industri pelancongan, termasuk menambahbaik kandungan garis panduan keselamatan penginapan yang lapuk, dengan tujuan untuk menyediakan lebih perlindungan kepada para pelancong dan pemain industri. Ia juga bertujuan untuk membangunkan industri pelancongan yang mampan memandangkan ia merupakan salah satu kuasa utama dalam ekonomi Malaysia serta menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelancong.

Sebelum ini, saya telah mengarahkan Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan (BPPP) dan jabatan-jabatan lain yang terlibat menjalankan penyelidikan secara mendalam, termasuk kajian semula secara komprehensif bagi Garis Panduan Penginapan Sewaan Jangka Pendek (STRA), agar disesuaikan dengan keadaan masa kini melalui trend pelancongan baharu

seperti *glamping*; perkhemahan; karavan; Airbnb; B&B dan sebagainya. Pada ketika ini, kebanyakan tempat penginapan memiliki perlindungan insurans daripada kejadian yang tidak diingini seperti kebakaran dan seumpamanya. Tidak dinafikan, ada juga pengusaha tempat penginapan yang tidak dilindungi insurans, sekaligus mengundang risiko bukan sahaja kepada pengusaha tersebut, tetapi juga kepada pengunjung atau pelancong yang menginap di premis mereka. Memandangkan industri pelancongan semakin berkembang, maka hal-hal berkaitan perlindungan insurans ini perlu dipandang serius. Oleh yang demikian, garis panduan baharu ini kelak akan memperincikan hala tuju jelas kepada para pengusaha industri pelancongan dan pelanggan mereka, sekaligus melindungi keselamatan serta kepentingan kedua-dua pihak.

Kawal selia platform penyewaan jangka pendek, termasuk Airbnb

Mengambil kira pelbagai aduan daripada orang ramai dan beberapa masalah yang mungkin dihadapi oleh pelancong berhubung penginapan mereka, kami yakin ini merupakan masa yang tepat untuk memastikan platform ini didaftarkan secara sah sekaligus mematuhi garis panduan dan peraturan yang berkaitan, khususnya bagi platform Airbnb, yang dilihat mempunyai potensi untuk wujudnya konflik di antara pelancong dan penduduk setempat semasa tempoh penginapan mereka. Konflik ini juga boleh tercetus ekoran terdapat perbezaan waktu istirehat penduduk dengan pelancong. Sebagai contoh, pelancong yang menginap di kawasan kediaman tersebut mungkin akan pulang pada tengah

malam selepas aktiviti mereka selesai, jadi tidak dinafikan akan terdapat gangguan dan seterusnya menimbulkan rasa tidak puas hati dan rungutan penduduk. Situasi ini mampu menjejaskan rutin seharian penduduk yang mendiami bangunan tersebut. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha MOTAC akan mengadakan perbincangan bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mencari kaedah penyelesaian termasuk berkemungkinan merancang beberapa kawasan khas sebagai penginapan pelancong serta merangka pelan dan garis panduan yang ketat bagi memastikan pemain industri mematuhi peraturan dan keperluan yang diperlukan.

Ini adalah penting bagi melindungi hak dan kepentingan penduduk tanpa menjejaskan aktiviti perniagaan pemain industri selain menawarkan penginapan yang tenang dan selesa kepada para pelancong sepanjang perjalanan mereka di negara ini. Mengambil iktibar daripada kemalangan bot yang membawa pelancong terbalik di kawasan perairan Pantai Timur Sabah dekat Semporna baru-baru ini sehingga menyebabkan seorang pelancong asing mati lemas, maka garis panduan atau langkah-langkah keselamatan harus ditambahbaik dan diteliti semula. Ini adalah penting demi menjaga keselamatan para pelancong termasuk pengendali bot ketika menjalankan aktiviti air. Selain berusaha meminimalkan risiko kemalangan, ia juga berupaya memberi keyakinan kepada para pelancong untuk menikmati aktiviti-aktiviti pelancongan yang ditawarkan oleh pemain industri tempatan.

Malang tidak berbau, sebagai langkah perlindungan kami amat menggalakkan sekiranya para pelancong dan pemain industri dapat membuat tuntutan insurans atau apa juga kaedah bagi mengurangkan kos kerugian.

Industri pelancongan merupakan khazanah negara, maka MOTAC komited untuk memastikan industri pelancongan Malaysia beroperasi dalam rangka kerja yang sah, terkawal dan mampan selain bertanggungjawab untuk membantu semua pihak meningkatkan kualiti industri pelancongan, dalam membantu para pelancong menikmati pengalaman yang lebih baik dan selamat ketika berada di negara ini. Selain itu, dalam memastikan kemajuan industri pelancongan, kita harus berpegang kepada prinsip “perkara asas perlu disediakan dengan baik, setiap masalah mesti ditangani segera”. Prinsip ini tidak mampu dicapai tanpa kerjasama daripada semua pihak yang terlibat.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac